



Siri Buku Amalan Harian

SIRI 4

AMALAN DAN DOA KETIKA HURU-HARA KIAMAT WARID DARIPADA AL-QURAN DAN SUNAH

Kamarul Azmi Jasmi



SIRI BUKU AMALAN HARIAN

Siri 4

AMALAN DAN DOA KETIKA HURU-HARA KIAMAT WARID DARIPADA AL-QURAN DAN SUNAH

Kamarul Azmi Jasmi

Edisi Pertama 2020
©KAMARUL AZMI JASMI 2020

Hak cipta terbuka. Dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan cara apa jua sama ada dengan cara elektronik, fotokopi, mekanik, atau cara lain dengan memberi kredit rujukan kepada penulis dan Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru, Johor Darul Ta'zim, Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-daiam-Penerbitan

Kamarul Azmi Jasmi, 1973-

AMALAN DAN DOA Ketika Huru-Hara Kiamat : Warid daripada al-Quran dan Sunah / Kamarul Azmi Jasmi.
(SIRI BUKU AMALAN HARIAN ; Siri 4)

Mode of access: Internet
eISBN 978-967-2401-18-6

1. Islam-Prayers and devotions.
2. Prayer-Islam.
3. Islamic meditations.
4. Islamic eschatology.
5. Government publications-Malaysia.
6. Electronic books.

I. Judul. II. Siri.
297.3824

Kulit dan Pengatur huruf oleh / *Typeset by*
KAMARUL AZMI JASMI
Fakulti Tamadun Islam
UTM, Johor Bahru

Diterbitkan di Malaysia oleh / *Published in Malaysia by*
T07,AKADEMI TAMADUN ISLAM
FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA,
81310 UTM Johor Bahru,
Johor Darul Ta'zim, MALAYSIA.

KANDUNGAN

<i>Prakata</i>	<i>v</i>
<i>Transliterasi</i>	<i>vii</i>
Pengenalan	1
Amalan dan Doa Anjuran Ketika Huru Hara Hari Kiamat	2
Amalan Ketika Peperangan	2
ZDK1 Doa Ketika Melihat Musuh Melakukan Kezaliman	3
ZDK2 Doa Ketika Terlepas daripada Musuh Islam	3
ZDK3 Doa Dianugerahkan Syahid dan Kemenangan Peperangan	3
ZDK4 Doa untuk Kekuatan Peperangan	3
ZDK5 Doa Agar Musuh Dibinasakan	4
Doa dan Rawatan untuk Sakit dan Penyakit	4
ZDK7 Doa Terjauh daripada Bencana dan Penyakit	4
ZDK8 Doa Terhindar daripada Perkara yang Membahayakan	5
ZDK9 Doa Diberikan Kesihatan dan Keselamatan	5
ZDK10 Doa Perlindungan daripada Penyakit Berjangkit	6
ZDK11 Doa Pengubatan daripada Sakit dan Penyakit	6
Doa Agar Dikekalkan dalam Iman Pada Era Hampiri Dajjal	6
ZDK12 Doa Dikekalkan dalam Keimanan, Kesabaran, dan Mati sebagai Muslim	7
ZDK13 Doa Dikekalkan dalam Kesolehan	7
ZDK14 Doa Terlindung daripada Pelbagai Fitnah	8
Amalan dan Zikir Kekuatan Rohani	8
ZDK15 Zikir Ketika Diselubungi Asap	8

ZDK16 Zikir Pengganti Makanan Ketika Dajjal	9
ZDK17 Zikir Kalimah ‘Allah’	9
ZDK18 Zikir Istighfar	9
ZDK19 Salawat	10
Bacaan Terpelihara daripada Dajjal	10
ZDK20 Ayat Pelindung Pertama Fitnah Dajjal	10
ZDK21 Ayat Pelindung Kedua Fitnah Dajjal	12
Keutamaan Zikir, Doa, dan Amalan	14
Galakan Berdoa dan Beramal Ketika Berlaku Kezaliman	14
Galakan Berdoa dan Beramal Ketika Peperangan	17
Galakan Berdoa Beramal untuk Terjauh Penyakit dan Mengubati Penyakit	20
Galakan Amalan Zikir Ketika Era Hampir Kedatangan Dajjal	25
Galakan Berdoa dan Beramal Agar Terjauh daripada Fitnah Dajjal	33
Rumusan	40
Rujukan	40
Indeks	42
Biodata	44

PRAKATA



Segala puji bagi Allah SWT dan selawat dan salam ke atas junjungan Rasulullah SAW, ahli keluarga baginda, dan para sahabatnya.

Penulis mengucapkan syukur ke hadrat Ilahi kerana memberikan kekuatan kepada penulis untuk berkongsi pengetahuan daripada pengkajian tentang amalan, zikir dan doa ketika huru-hara hari kiamat yang digali daripada al-Quran dan hadis Rasulullah SAW.

Tulisan dalam buku ini akan menfokuskan tentang perbincangan tentang amalan, zikir, tasbih, dan doa ketika umat Islam sedang melalui saat genting ketika hampir kiamat dan ketika kedatangan Dajjal pada hari kiamat yang sekarang ini sedang berlaku sehingga dunia ini benar-benar dimusnahkan oleh Allah SWT. Amalan yang dianjurkan adalah amalan ketika dalam peperangan; doa dan rawatan untuk sakit dan penyakit, doa agar dikekalkan dalam iman dan Islam; tasbih dan zikir untuk menguatkan rohani; dan amalan bacaan agar terpelihara daripada fitnah Dajjal.

Pada bahagian kedua daripada buku ini pula, penulis cuba mengupas sumber amalan, tasbih, zikir, dan doa dengan sumber yang menjadi sandaran amalan daripada al-Quran dan sunnah. Tujuan kupasan ini agar umat Islam memiliki keyakinan yang sempurna dalam mengamalkan semua amalan, zikir, tasbih, dan doa yang dianjurkan untuk diamalkan ini.

Semua terjemahan al-Quran yang digunakan dalam buku ini menggunakan terjemahan tafsir Ustaz Abdullah Basmeih (1999) yang diterbitkan oleh Jabatan Perdana Menteri dengan sedikit pengeditan daripada segi bahasa yang lebih terkini.

Manakala segala penggunaan hadis dalam perbincangan tentang buku ini akan ditakhrijkan terlebih dahulu sebagaimana kaedah takhrij yang diketengahkan oleh Imam al-Nawawi (1983, 1998) dan pengkaji

hanya akan memilih hadis yang pernah dibukukan oleh mana-mana imam hadis sebagai sebahagian daripada huraian dan isi buku ini.

Harapan penulis dengan tulisan ini dimanfaatkan oleh umat Islam dalam memperkukuhkan amalan kerohanian pada zaman akhir ini agar umat Islam sentiasa dalam kerahmatan, kesolehan dan perlindungan Allah SWT daripada malapetaka dan marabahaya.

Prof. Madya Dr. Kamarul Azmi Jasmi

Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan

Universiti Teknologi Malaysia

2020

TRANSLITERASI

Perkataan Arab untuk huruf konsonan yang terdapat dalam buku ini ditransliterasikan berpandukan jadual berikut:

Huruf Arab	Huruf Rumi	Huruf Arab	Huruf Rumi
ا, ء	'A	ض	D
ب	B	ط	T
ت	T	ظ	Z
ث	Th	ع	'
ج	J	غ	Gh
ح	H	ف	F
خ	Kh	ق	Q
د	D	ك	K
ذ	Dh	ل	L
ر	R	م	M
ز	Z	ن	N
س	S	ه	H
ش	Sh	و	W
ص	S	ي	Y

Huruf vokal Arab yang hendak ditransliterasikan kepada rumi mestilah menggunakan panduan seperti yang ditunjukkan dalam jadual berikut:

Panjang		Pendek		Diftong	
Arab	Rumi	Arab	Rumi	Arab	Rumi
آ	a	أَ	a	أَوْ	aw
أُ	u	أِ	u	أَيَّ	ay
إِ	i	إِ	i		

PENGENALAN

Umat Islam sedang menghadapi saat huru-hara hari kiamat jika dilihat kepada apa yang berlaku di Syria, Burma, Kashmir, dan China. Huru hara ini merupakan salah satu siri berterusan yang akan terus berlaku sehingga tanda besar kiamat akan keluar dan akhir berlakulah hari kiamat yang dijanjikan sebagaimana firman Allah SWT:

يَسْأَلُكَ النَّاسُ عَنِ السَّاعَةِ ^ط قُلْ إِنَّمَا عِلْمُهَا عِنْدَ اللَّهِ وَمَا يُدْرِيكَ لَعَلَّ
السَّاعَةَ تَكُونُ قَرِيبًا ﴿٦٣﴾

Maksud: *Manusia bertanya kepadamu (wahai Muhammad) tentang kedatangan hari kiamat; katakanlah, "Sesungguhnya pengetahuan mengenainya hanyalah ada di sisi Allah." Dan apa jalannya engkau dapat mengetahui? - boleh jadi masa datangnya tidak lama lagi. (63)*

(Surah *al-Ahzab*, 33: 63)

Berdasarkan ayat al-Quran dan hadis, huru-hara hari kiamat sedang berlaku kepada umat Islam dan umat manusia dengan berlakunya peristiwa pembataian umat Islam yang banyak di mana-mana bahagian dunia. Oleh kerana itu, buku kecil ini cuba mengumpulkan amalan yang sewajarnya dipegang oleh umat Islam serta diamalkan oleh mereka daripada ketika ini sehingga berlaku kematian umat Islam serentak sebagaimana yang dijelaskan oleh hadis berikut (Muslim, 2015: 168):

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ إِنَّ اللَّهَ يَبْعَثُ رِجَالًا مِنَ
الْيَمَنِ الْأَيْمَنِ مِنَ الْحَرِيرِ فَلَا تَدْعُ أَحَدًا فِي قَلْبِهِ قَالَ أَبُو عَلْقَمَةَ مِثْقَالُ
حَبَّةٍ وَقَالَ عَبْدُ الْعَزِيزِ مِثْقَالُ ذَرَّةٍ مِنْ إِيْمَانٍ إِلَّا قَبَضَتْهُ.

Maksud: *Abu Hurayrah dia berkata, "Rasulullah SAW bersabda, "Sesungguhnya Allah akan menghembuskan angin yang sangat lembut, selembut sutera dari arah Yaman, ia tidak akan melewati seseorang yang di dalam hatinya terdapat -Abu Alqamah berkata- seberat biji-bijian, -sedangkan Abdul Aziz berkata; seberat biji sawi- dari keimanan kecuali Allah akan mewafatkannya."*

(Muslim)

Amalan yang diketengahkan adalah diambil dan digali daripada sumber hadis yang diperintahkan kepada umat untuk mereka mengguna dan mengamalkan doa dan zikir tersebut. Perbincangan penggunaan ayat akan dikupas pada bahagian perbincangan doa, zikir, dan amalan terabit pada bahagian kedua daripada buku ini.

AMALAN DAN DOA ANJURAN KETIKA HURU HARA HARI KIAMAT

Terdapat zikir, doa, dan amalan yang dinamakan sebagai Zikir Doa Kiamat (ZDK). ZDK ini adalah dianjurkan untuk diamalkan pada hari ini dan ketika berlakunya huru hara kiamat tersebut berdasarkan jenis huru hara. Senarai zikir seperti ZDK1-ZDK21. Panduan pengamalannya diletakkan pada bahagian akhir jika diperlukan.

Selepas penyenaian doa, zikir, dan amalan untuk keselamatan, perbincangan ditumpukan kepada hujah amalan tersebut daripada sumber al-Quran dan hadis. Tujuan perbincangan ini bagi mengukuhkan keyakinan dalam mengamalkan ZDK tersebut.

Amalan Ketika Peperangan

Terdapat lima amalan doa yang menyentuh peperangan yang dihadapi oleh umat Islam ketika di akhir zaman sebagaimana yang ditunjukkan dalam ZDK1-ZDK5.

ZDK1 Doa Ketika Melihat Musuh Melakukan Kezaliman

اللَّهُمَّ اكْفِنِيهِمْ بِمَا شِئْتَ، عَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا رَبَّنَا لَا تَجْعَلْنَا فِتْنَةً لِّلْقَوْمِ الظَّالِمِينَ، وَنَجِّنَا بِرَحْمَتِكَ مِنَ الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ. وَحَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ. وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ.

Maksud: *Ya Allah, cukupilah aku dari mereka sekehendak-Mu. Kepada Allah jualah kami berserah. Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau jadikan kami landasan fitnah kesengsaraan bagi kaum yang zalim ganas. Dan selamatkanlah kami dengan rahmat-Mu dari angkara kaum yang kafir. Dan cukuplah Allah menjadi penolong kami dan Allah adalah sebaik-baik pelindung dan tidak ada upaya melainkan Allah yang Maha Tinggi dan Maha Besar.”*

ZDK2 Doa Ketika Terlepas daripada Musuh Islam

عَسَى رَبُّنَا أَنْ يَهْدِيَنَا سَوَاءَ السَّبِيلِ.

Maksud: *Mudah-mudahan Tuhanku menunjukkan jalan yang benar kepadaku*

ZDK3 Doa Dianugerahkan Syahid dan Kemenangan Peperangan

اللَّهُمَّ ارْزُقْنَا الْيَوْمَ شَهَادَةً تَنْصُرُ الْمُسْلِمِينَ، وَاَفْتَحْ عَلَيْهِمْ.

Maksud: *Ya Allah! Kurniakanlah untuk kami pada hari ini mati syahid yang dengan kesyahidan itu Engkau menolong umat Islam dan berikanlah kemenangan buat mereka.*

ZDK4 Doa untuk Kekuatan Peperangan

اللَّهُمَّ أَنْتَ عَظْمُنَا وَنَصِيرُنَا بِكَ نُحُولُ وَبِكَ نَصُولُ وَبِكَ نُقَاتِلُ.

Maksud: *Ya Allah, Engkau adalah Penolong kami, dan yang memberikan kemenangan kepada kami, dengan-Mu kami menghalangi musuh, dan dengan-Mu kami menyerang serta dengan-Mu kami berperang.*

ZDK5 Doa Agar Musuh Dibinasakan

اللَّهُمَّ مُنْزِلَ الْكِتَابِ وَمُجْرِي السَّحَابِ وَهَازِمَ الْأَحْزَابِ، اهْزِمْهُمْ وَأَنْصُرْنَا عَلَيْهِمْ.

Maksud: *Ya Allah, Yang Menurunkan Kitab, Yang Menggiring awan, Yang Menghancurkan pasukan sekutu, hancurkanlah mereka dan bantulah kami dalam mengalahkan mereka.*

Terdapat lima amalan dan doa yang dianjurkan yang menyentuh tentang bagaimana umat Islam menghadapi musuh dalam peperangan.

Doa dan Rawatan untuk Sakit dan Penyakit

Ketika diakhir zaman, era peperangan antara umat Islam dan tentera Dajjal, kemudahan teknologi dan perubahan sudah tidak wujud. Penyakit dan wabak menyebarkan di semua tempat dan arah. Oleh itu, hanya yang ada berbaki ialah amalan Islam dalam berdoa dan beramal. Umat Islam wajar sentiasa berdoa dan beramal agar sihat, terjauh daripada mudarat, dan penyakit. Ketika sudah terkena penyakit, Muslim perlu berubat pada tempat yang sakit tersebut. Doa berikut merupakan doa penting untuk memohon perlindungan daripada mudarat dan penyakit serta merawat sakit dan penyakit sebagaimana dalam ZDK7 dan ZDK11.

ZDK7 Doa Terjauh daripada Bencana dan Penyakit

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ، فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. (۳x) فِي الْبُكْرَةِ وَالْأَصِيلِ

Maksud: *Dengan nama Allah yang dengan nama-Nya, tidak ada satu pun yang dapat memberi kemudharatan di bumi mahupun di langit, Dia-lah Yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.*

ZDK8 Doa Terhindar daripada Perkara yang Membahayakan

أَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ.

Maksud: *Aku berlindung dengan kalimat Allah yang sempurna dari keburukan apa saja yang Dia ciptakan.*

Doa dibaca ketika turun daripada kenderaan untuk singgah di mana-mana tempat atau dibaca selepas waktu Asar.

ZDK9 Doa Diberikan Kesihatan dan Keselamatan

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ الْعَافِيَةَ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ. اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ الْعَفْوَ وَالْعَافِيَةَ فِي دِينِي وَدُنْيَايَ وَأَهْلِي وَمَالِي. اللَّهُمَّ اسْتُرْ عَوْرَتِي، وَأَمِنْ رَوْعَاتِي. اللَّهُمَّ احْفَظْنِي مِنْ بَيْنِ يَدَيْ، وَمِنْ خَلْفِي، وَعَنْ يَمِينِي، وَعَنْ شِمَالِي، وَمِنْ فَوْقِي، وَأَعُوذُ بِعَظَمَتِكَ أَنْ أُغْتَالَ مِنْ تَحْتِي.

Maksud: *Ya Allah, aku memohon kepada-mu keselamatan di dunia dan di akhirat. Ya Allah, aku mohon kepada-Mu pemaafan dan keselamatan dalam agama, dunia, keluarga dan harta. Ya Allah, tutupilah auratku, dan amankanlah aku dari rasa takut. Ya Allah, jagalah aku dari depan, belakang, sisi kanan, sisi kiri, dan dari atas. Aku berlindung kepada-Mu dengan kebesaran-Mu agar aku tidak diserang dari arah bawah.*

ZDK10 Doa Perlindungan daripada Penyakit Berjangkit

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجَذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ.

Maksud: *Ya Allah, sungguh aku berlindung kepada-Mu dari penyakit belang (kulit), gila, kusta, dan dari keburukan segala macam penyakit.*

Doa ZDK7 ini perlu dipinta dalam doa selepas solat dan ketika berdoa beramai-ramai.

ZDK11 Doa Pengubatan daripada Sakit dan Penyakit

بِاسْمِ اللَّهِ (3X). أَعُوذُ بِاللَّهِ وَقُدْرَتِهِ مِنْ شَرِّ مَا أَجِدُ وَأُحَاذِرُ. (7X)

Maksud: *Dengan nama Allah (3X). Aku berlindung kepada Allah dan kekuasaan-Nya dari penyakit yang aku derita dan aku cemaskan (7X).*

Cara menggunakan doa ini dengan letakkan tangan ditempat yang sakit dan dibacakan doa ini.

Doa Agar Dikekalkan dalam Iman Pada Era Hampiri Dajjal

Era menghampiri zaman Dajjal adalah era sekarang ini. Hal ini kerana semua tanda kecil kiamat sudahpun keluar (Al-Mubayyadh, 2014). Banyak fitnah melanda umat manusia sehingga amalan Islam hilang dan keimanan mudah tercabut daripada diri umat Islam.

Kemuncak daripada fitnah ini dengan kedatangan Dajjal. Oleh kerana itu, setiap umat Islam sebelum kedatangan Dajjal sudah sewajarnya berdoa agar dikekalkan dalam iman dan Islam sebagaimana yang dianjurkan dalam ZDK12-ZDK14.

ZDK12 Doa Dikekalkan dalam Keimanan, Kesabaran, dan Mati sebagai Muslim

رَبَّنَا لَا تُزِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً ۗ إِنَّكَ أَنْتَ
الْوَهَّابُ. رَبَّنَا أَفْرِغْ عَلَيْنَا صَبْرًا وَتَوَقَّفْنَا مُسْلِمِينَ.

Maksud: *Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau memesongkan hati kami sesudah Engkau beri petunjuk kepada kami, dan kurniakanlah kepada kami limpah rahmat dari sisi-Mu; sesungguhnya Engkau jualah Tuhan Yang melimpah-limpah pemberiannya. Wahai Tuhan kami, limpahkanlah kesabaran kepada kami, dan matikanlah kami dalam keadaan Islam (berserah bulat-bulat kepada-Mu).*

ZDK13 Doa Dikekalkan dalam Kesolehan

اللَّهُمَّ أَصْلِحْ لَنَا دِينَنَا الَّذِي هُوَ عِصْمَةُ أُمُورِنَا وَأَصْلِحْ لَنَا دُنْيَانَا الَّتِي
فِيهَا مَعَاشِنَا وَأَصْلِحْ لَنَا آخِرَتَنَا الَّتِي فِيهَا مَعَادِنَا وَاجْعَلْ الْحَيَاةَ زِيَادَةً
لَنَا فِي كُلِّ خَيْرٍ وَاجْعَلْ الْمَوْتَ رَاحَةً لَنَا مِنْ كُلِّ شَرٍّ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ
الْهُدَى وَالتَّقَى وَالْعَفَافَ وَالْغِنَى.

Maksud: *Ya Allah ya Tuhanku, perbaikilah bagiku agamaku sebagai benteng urusanku; perbaikilah bagiku duniaku yang menjadi tempat kehidupanku; perbaikilah bagiku akhiratku yang menjadi tempat kembaliku! Jadikanlah ya Allah kehidupan ini mempunyai nilai tambah bagiku dalam segala kebaikan dan jadikanlah kematianku sebagai kebebasanku dari segala kejahatan! Ya Allah ya Tuhanku, sesungguhnya aku memohon kepada-Mu petunjuk, ketakwaan, terhindar dari perbuatan yang tidak baik, dan kecukupan (tidak minta-minta).*

ZDK14 Doa Terlindung daripada Pelbagai Fitnah

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ وَنَعُوذُ بِكَ مِنْ فِتْنَةِ الْمَحْيَا وَالْمَمَاتِ
وَمِنْ فِتْنَةِ الْمَسِيحِ الدَّجَالِ. يَا مُقَلِّبَ الْقُلُوبِ ثَبِّتْ قُلُوبَنَا عَلَى دِينِكَ،
وَيَا مُصَرِّفَ الْقُلُوبِ ثَبِّتْ قُلُوبَنَا عَلَى طَاعَتِكَ.

Maksud: *Ya Allah, aku berlindung kepada-Mu dari siksa kubur, aku berlindung kepada-Mu dari fitnah kehidupan dan fitnah kematian, dan aku berlindung kepada-Mu dari fitnah al-Masih al-Dajjal. Wahai yang membolak balik hati, tetapkan hati kami dalam agamamu, Wahai yang membolak-balikkan hati, tetapkan hati kami dalam ketaatan kepada-Mu.*

Doa ini dibaca dalam solat. Para ulama Syafie meletakkannya pada bahagian akhir daripada bacaan tahiyyat (Al-Mawardi, 1999: 2/139).

Amalan dan Zikir Kekuatan Rohani

Selain doa, ketika hampir kiamat, umat manusia diselubungi oleh Dukhan yang menyebabkan kulit terbakar. Kedatangan al-Dukhan merupakan titik tolak tanda besar datangnya tanda besar kiamat. Ketika kedatangan al-Dukhan, kedatangan Dajjal sudah sangat hampir. Umat Islam diajar dengan zikir dan tasbih bagi menguatkan tubuh dan rohani mereka. ZDK15 hingga ZDK19 merupakan amalan yang dilakukan pada masa itu untuk umat Islam menguatkan tubuh mereka luar dan dalam.

ZDK15 Zikir Ketika Diselubungi Asap

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ.

Maksud: *Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau (ya Allah)! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya, tolongkanlah daku)! Sesungguhnya aku adalah dari orang yang menganiaya diri sendiri.*

ZDK16 Zikir Pengganti Makanan Ketika Dajjal

سُبْحَانَ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ وَلَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ. (۱۰۰x فِي الْبُكْرَةِ وَالْأَصِيلِ)

Maksud: *Maha Suci Allah, segala puji bagi Allah, tiada Zat yang berhak disembah selain Allah, Allah Maha Besar dan tiada daya dan kekuatan kecuali dengan pertolongan Allah. (Dizikirkan sebanyak 100 kali pada waktu pagi dan petang).*

ZDK17 Zikir Kalimah ‘Allah’

اللَّهُ. (۱۰۰x فِي الْبُكْرَةِ وَالْأَصِيلِ).

Maksud: *Allah (Dizikirkan sebanyak 100 kali pada waktu pagi dan petang).*

ZDK18 Zikir Istighfar

اسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ وَأَتُوبُ إِلَيْهِ. (۱۰۰x فِي الْبُكْرَةِ وَالْأَصِيلِ).

Maksud: *Kami beristighfar kepada Allah Yang Maha Agung. Tiada tuhan yang layak disembah melainkan Yang Hidup dan Gagah Berdiri Sendiri. Kami juga bertaubat kepadanya. (Dizikirkan sebanyak 100 kali pada waktu pagi dan petang).*

ZDK19 Salawat

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ. (۱۰۰x فِي الْبُكْرَةِ وَالْأَصِيلِ).

Maksud: *Ya Allah! Berilah kesejahteraan dan keselamatan kepada penghulu kami Nabi Muhammad, kepada ahli keluarganya, dan para sahabatnya. (Berselawat sebanyak 100 kali pada waktu pagi dan petang)*

Selain ZDK15, semua ZDK ini merupakan zikir yang diamalkan oleh umat Islam pada waktu pagi dan petang pada hari-hari biasa, lebih-lebih lagi pada hari kedatangan kiamat.

Bacaan Terpelihara daripada Dajjal

Terdapat dua himpunan ayat al-Quran daripada surah al-Kahfi yang perlu dihafal dan diingati dengan baik agar umat Islam terseleamat daripada fitnah Dajjal. Ketika datangnya Dajjal, himpunan ini wajar dijadikan amalan supaya setiap umat Islam terjauh daripada kesesatan yang dibawa oleh Dajjal tersebut.

ZDK20 Ayat Pelindung Pertama Fitnah Dajjal

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ۝ أَحْمَدُ لِلَّهِ الَّذِي أَنْزَلَ عَلَى عَبْدِهِ الْكِتَابَ وَلَمْ يَجْعَلْ لَهُ عِوَجًا ۝ قِيمًا لِيُنذِرَ بَأْسًا شَدِيدًا لِمَنْ لَدُنْهُ وَيُبَشِّرَ الْمُؤْمِنِينَ الَّذِينَ يَعْمَلُونَ الصَّالِحَاتِ أَنَّ لَهُمْ أَجْرًا حَسَنًا ۝ مَّا كُنْ فِيهِ أَبَدًا ۝ وَيُنذِرَ الَّذِينَ قَالُوا اتَّخَذَ اللَّهُ وَلَدًا ۝ مَّا لَهُمْ بِهِ مِنْ عِلْمٍ وَلَا

لِأَبَائِهِمْ كَبُرَتْ كَلِمَةً تَخْرُجُ مِنْ أَفْوَاهِهِمْ ۖ إِنَّ يَقُولُونَ إِلَّا كَذِبًا ﴿٥﴾
 فَلَعَلَّكَ بَدِخْنٌ نَّفْسِكَ عَلَىٰ آثَرِهِمْ ۖ إِنَّ لَكُمْ يَُوْمَئِذٍ لَّحَدِيثًا أَلَفًا ﴿٦﴾
 إِنَّا جَعَلْنَا مَا عَلَى الْأَرْضِ زِينَةً لِّهَا لِنَبْلُوهُمْ أَيُّهُمْ أَحْسَنُ عَمَلًا ﴿٧﴾ وَإِنَّا
 لَجَاعِلُونَ مَا عَلَيْهَا صَعِيدًا جُرُزًا ﴿٨﴾ أَمْ حَسِبْتَ أَنَّ أَصْحَابَ الْكَهْفِ
 وَالرَّقِيمِ كَانُوا مِنْ آيَاتِنَا عَجَبًا ﴿٩﴾ إِذْ أَوَى الْفِتْيَةُ إِلَى الْكَهْفِ فَقَالُوا
 رَبَّنَا آتِنَا مِن لَّدُنكَ رَحْمَةً وَهَيِّئْ لَنَا مِنْ أَمْرِنَا رَشَدًا ﴿١٠﴾

Maksud: Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. Segala puji terentou bagi Allah yang menurunkan kepada hamba-Nya (Muhammad), Kitab suci al-Quran, dan tidak menjadikan padanya sesuatu yang bengkok (terpesong). (1) (Bahkan keadaannya) tetap benar lagi menjadi pengawas turunnya al-Quran untuk memberi amaran (kepada orang yang ingkar) dengan azab yang seberat-beratnya dari sisi Allah, dan memberi berita gembira kepada orang yang beriman yang mengerjakan amal soleh, bahawa mereka akan beroleh balasan yang baik. (2) Mereka tinggal tetap dalam (balasan yang baik) itu selama-lamanya. (3) Dan juga al-Quran itu memberi amaran kepada orang yang berkata, "Allah mempunyai anak." (4) (Sebenarnya) mereka tiada mempunyai sebarang pengetahuan mengenainya, dan tiada juga bagi datuk nenek mereka; besar sungguh perkataan syirik yang keluar dari mulut mereka; mereka hanya mengatakan perkara yang dusta. (5) Maka jangan pula engkau (wahai Muhammad), membinasakan dirimu disebabkan menanggung dukacita terhadap kesan perbuatan buruk mereka, jika mereka enggan beriman kepada keterangan al-Quran ini. (6) Sesungguhnya Kami jadikan apa yang ada di muka bumi sebagai perhiasan baginya, kerana kami hendak menguji mereka, siapakah antaranya yang lebih

baik amalnya. (7) Dan sesungguhnya Kami akan jadikan apa yang ada di bumi itu (punah-ranah) sebagai tanah yang tandus. (8) Adakah engkau menyangka (wahai Muhammad), bahawa kisah 'Ashab al-Kahfi' dan 'al-Raqim' itu sahaja yang menakjubkan antara tanda yang membuktikan kekuasaan Kami? (9) (Ingatkanlah peristiwa) ketika serombongan orang muda pergi ke gua, lalu mereka berdoa, "Wahai Tuhan kami! Kurniakanlah kami rahmat dari sisi-Mu, dan berilah kemudahan serta pimpinan kepada kami untuk keselamatan agama kami." (10)

(Surah al-Kahfi, 18: 1-10)

ZDK21 Ayat Pelindung Kedua Fitnah Dajjal

وَتَرَكْنَا بَعْضَهُمْ يَوْمَئِذٍ يَمُوجُ فِي بَعْضٍ وَنُفِخَ فِي الصُّورِ فَمَجَّعْتَهُمُ جَمْعًا ﴿٩٩﴾
 وَعَرَضْنَا جَهَنَّمَ يَوْمَئِذٍ لِّلْكَافِرِينَ عَرْضًا ﴿١٠٠﴾ الَّذِينَ كَانَتْ أَعْيُنُهُمْ فِي غِطَاءٍ عَن
 ذِكْرِي وَكَانُوا لَا يَسْتَطِيعُونَ سَمْعًا ﴿١٠١﴾ أَفَحَسِبَ الَّذِينَ كَفَرُوا أَن يَتَّخِذُوا عِبَادِي مِن
 دُونِي أَوْلِيَاءَ إِنَّا أَعْتَدْنَا جَهَنَّمَ لِّلْكَافِرِينَ نَزُلًا ﴿١٠٢﴾ قُلْ هَلْ نُنَبِّئُكُمْ بِالْأَخْسَرِينَ أَعْمَالًا
 ﴿١٠٣﴾ الَّذِينَ ضَلَّ سَعِيُهُمْ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَهُمْ يُحْسِبُونَ أَنَّهُمْ يُحْسِنُونَ صُنْعًا ﴿١٠٤﴾
 أُولَئِكَ الَّذِينَ كَفَرُوا بِآيَاتِ رَبِّهِمْ وَلِقَائِهِ فَحَبِطَتْ أَعْمَالُهُمْ فَلَا تُقِيمُ لَهُمْ يَوْمَ
 الْقِيَامَةِ وَزَنًا ﴿١٠٥﴾ ذَلِكَ جَزَاءُ جَهَنَّمَ بِمَا كَفَرُوا وَتَلَّخَذُوا مِنِّي وَرُسُلِي هُزُلًا ﴿١٠٦﴾ إِنَّ
 الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ كَانَتْ لَهُمْ جَنَّاتُ الْفِرْدَوْسِ نُزُلًا ﴿١٠٧﴾ خَالِدِينَ فِيهَا
 لَا يَبْغُونَ عَنْهَا حَوْلًا ﴿١٠٨﴾ قُلْ لَوْ كَانَ الْبَحْرُ مَدَادًا لَّكَلِمَتِ رَبِّي لَنَفَذَ الْبَحْرُ قَبْلَ أَنْ

تَفَدَّ كَلِمَتُ رَبِّي وَلَوْ جِئْنَا بِمِثْلِهِ مَدَدًا ﴿١٠٩﴾ قُلْ إِنَّمَا أَنَا بَشَرٌ مِّثْلُكُمْ يُوحَىٰ إِلَيَّ أَنَّمَا
 إِلَهُكُمْ إِلَهٌ وَحِدٌ فَمَن كَانَ يَرْجُوا لِقَاءَ رَبِّهِ فَلْيَعْمَلْ عَمَلًا صَالِحًا وَلَا يُشْرِكْ
 بِعِبَادَةِ رَبِّهِ أَحَدًا ﴿١١٠﴾

Maksud: Dan Kami biarkan mereka pada hari itu (keluar beramai-ramai) bercampur-baur antara satu dengan yang lain; dan (kemudiannya) akan ditiup sangkakala, lalu Kami himpulkan makhluk seluruhnya di Padang Mahsyar. (99) Dan Kami perlihatkan neraka Jahanam, pada hari itu kepada orang kafir, dengan pendedahan yang jelas nyata; (100) (iaitu) orang yang matanya tertutup daripada melihat tanda yang membawa kepada mengingati-Ku, dan mereka pula tidak dapat mendengar sama sekali. (101) Maka adakah orang kafir menyangka bahawa mereka mengambil hamba-Ku sebagai makhluk yang disembah, selain daripada-Ku, dapat menolong mereka? Sesungguhnya Kami sediakan neraka Jahannam bagi orang kafir itu sebagai tempat tetamu. (102) Katakanlah (wahai Muhammad), “Mahukah Kami khabarkan kepada kamu akan orang yang paling rugi amal perbuatannya? (103) (Iaitu) orang yang sia-sia amal usahanya dalam kehidupan dunia ini, sedang mereka menyangka bahawa mereka sentiasa betul dan baik pada apa sahaja yang mereka lakukan.” (104) Merekalah orang yang kufur ingkar akan ayat Tuhan mereka dan akan pertemuan dengan-Nya; oleh itu gugurlah amal mereka; maka akibatnya Kami tidak akan memberi sebarang timbangan untuk menilai amal mereka, pada hari kiamat kelak. (105) (Mereka yang bersifat) demikian, balasannya neraka Jahannam, disebabkan mereka kufur ingkar, dan mereka pula menjadikan ayat-Ku dan Rasul-Ku sebagai ejek-ejekan. (106) Sesungguhnya orang yang beriman dan beramal soleh, disediakan bagi mereka syurga Firdaus, sebagai tempat tetamu (yang serba mewah). (107) Mereka kekal di dalamnya, (dan) tidak ingin berpindah daripadanya. (108) Katakanlah (wahai Muhammad), “Kalaulah semua jenis lautan menjadi tinta untuk menulis kalimah Tuhanku, sudah tentu akan habis kering lautan itu sebelum habis kalimah Tuhanku, walaupun Kami tambah lagi dengan lautan yang sebanding dengannya, sebagai bantuan.” (109) Katakanlah (wahai Muhammad), “Sesungguhnya aku hanyalah seorang manusia seperti kamu, diwahyukan kepadaku bahawa

Tuhan kamu hanyalah Tuhan Yang Satu; Oleh itu, sesiapa yang percaya dan berharap akan pertemuan dengan Tuhannya, hendaklah ia mengerjakan amal yang soleh dan janganlah ia mempersekutukan sesiapaupun dalam ibadatnya kepada Tuhannya.” (110)

(Surah *al-Kahfi*, 18: 1-10)

Ringkasnya, terdapat 17 jenis zikir, amalan, dan doa untuk umat Islam amalkan pada akhir zaman ini sehinggalah kepada zaman datangnya Dajjal. Semua amalan ini wajar dihafaz dan diamalkan agar umat Islam terlindung daripada kezaliman seterusnya kekal dalam keimanan dan kesolehan serta perlindungan dan kasih sayang Allah SWT.

Bab yang berikut pula akan membincangkan dalil dan hujah zikir, amalan, dan doa yang dianjurkan ini semua sama ada diambil daripada al-Quran atau hadis.

KEUTAMAAN ZIKIR, DOA, DAN AMALAN

Keutamaan zikir, doa, dan amalan yang dibincangkan dalam ZDK1-ZDK17 boleh dibahagikan kepada enam kategori, iaitu galakan berdoa dan beramal ketika berlaku kezaliman, galakan berdoa dan beramal ketika peperangan, galakan berdoa dan beramal untuk mengubati kesakitan, dan penyakit galakan berdoa dan beramal ketika ditimpa malapetaka, galakan beramal ketika diselubungi tanda kiamat yang besar, dan galakan berdoa dan beramal agar terjauh daripada fitnah dajjal.

Galakan Berdoa dan Beramal Ketika Berlaku Kezaliman

Umat Islam yang sedang bertemu dengan musuh dalam keadaan mereka belum bersedia dengan kumpulan pejuang yang membela agama dan negara untuk mereka bergabung, maka mereka boleh berusaha dan berdoa untuk terlindung daripada kezaliman musuh Islam ini dengan doa yang diajarkan daripada al-Quran dan hadis. ZDK1 merupakan antara doa yang diajar oleh al-Quran dan hadis. ZDK ini dimulakan

dengan doa yang datang daripada Hadis Suhayb berikut (Muslim, 2015: 5327):

اللَّهُمَّ اكْفِنِيهِمْ بِمَا شِئْتَ، عَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا.

Maksud: *Ya Allah, cukupilah aku dari mereka sekehendak-Mu. Kepada Allah jualah kami berserah.*

(Muslim)

Doa ini merupakan doa seorang pemuda beriman yang dizalimi oleh Raja yang kafir. Ketika dia diseksa bertalu-talu, dia berdoa kepada Allah SWT dengan doa ini.

Potongan doa ZDK1 seterusnya merupakan doa yang diajarkan oleh Allah SWT kepada umat Muhammad SAW agar berdoa sebagaimana doa kaum Bani Israil ketika dikejar oleh Raja Firaun dan tenteranya. Mereka berdoa dengan doa ini sehingga mereka dibebaskan daripada kekejaman Firaun dan tenteranya dengan menenggelamkan mereka dalam laut Merah. Doa mereka seperti berikut:

فَقَالُوا عَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا رَبَّنَا لَا تَجْعَلْنَا فِتْنَةً لِّلْقَوْمِ الظَّالِمِينَ ﴿٨٥﴾ وَنَجِّنَا بِرَحْمَتِكَ مِنَ الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ ﴿٨٦﴾

Maksud: *Lalu mereka berkata, “Kepada Allah jualah kami berserah. Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau jadikan kami landasan fitnah kesengsaraan bagi kaum yang zalim ganas. (85) Dan selamatkanlah kami dengan rahmat-Mu dari angkara kaum yang kafir.” (86)*

(Surah Yunus, 10: 85-86)

Dalam konteks yang sama, umat ini wajar menggunakan doa yang sama agar Allah SWT juga melepaskan mereka daripada kezaliman para raja dan penguasa kafir.

Potongan ZDK1 seterusnya ialah menyerahkan segala urusan kepada Allah SWT dalam peperangan. Hal ini sebagaimana Allah SWT mengajarkan umat Islam dengan doa dan zikir berikut ketika mereka menghadapi peperangan Badar. Firman-Nya dalam memetik pengajaran untuk menjadikan Allah SWT tempat bertawakal melalui firman-Nya:

حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ ﴿١٧٣﴾

Maksud: *Cukuplah Allah untuk (menolong) kami, dan Ia sebaik-baik pengurus (yang terserah kepada-Nya segala urusan kami). (173)*

(Surah *al-Imran*, 3: 173)

Para ulama seperti Ibn Hajar (1960: 1/208), Imam Al-Qastallani (1906: 6/144), dan Shaikh Abu Tahir (1997: 1/171) menggabungkan kalimah ini dengan ucapan:

وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ.

Hal ini bagi melambangkan penyerahan makhluk kepada khaliq, iaitu Allah SWT secara total memandangkan makhluk tidak memiliki sebarang kuasa di sisi-Nya yang Maha Kuat, tinggi, dan Agung. Ucapan ini biasanya adalah zikir pengakhiran bagi sesuatu usaha dan amalan seperti selesai pengarangannya kitab.

Ketika musuh sudah berlalu pergi atau ketika umat Islam sudah berjaya melepaskan diri daripada kezaliman musuh, maka umat Islam dituntut untuk berdoa sebagaimana doa Nabi Musa AS ketika selamat

daripada dikejar oleh polis Firaun sebagaimana petikan doa yang dinyatakan oleh al-Quran melalui firman Allah SWT:

عَسَىٰ رَبِّي أَن يَهْدِيَنِي سَوَاءَ السَّبِيلِ ﴿٢٢﴾

Maksud: *Mudah-mudahan Tuhanku menunjukkan jalan yang benar kepadaku.*

(Surah *al-Qasas*, 28: 22)

Oleh itu, ZDK2 menganjurkan doa ini dalam doa umat Islam ketika selesai peperangan yang besar pada era kedatangan Dajjal dan tenteranya.

Semua doa yang diajarkan oleh Allah SWT dan oleh Rasulullah SAW melalui hadisnya merupakan amalan zikir dan doa yang mampu mengurangkan beban kezaliman sehingga Allah SWT menjauhkan seseorang daripada kezaliman penguasa.

Galakan Berdoa dan Beramal Ketika Peperangan

Salah satu perkara yang pasti dihadapi oleh umat Islam pada akhir zaman ini ialah peperangan. Ketika sesebuah negeri Islam diserang dari dalam dan luar, maka umat Islam diwajibkan untuk mempertahankan negara.

Anjuran Islam agar musuh umat terjauh daripada umat Islam dan mereka tidak diminta agar tidak berharap untuk berjumpa dengan musuh. Namun, jika sudah bertemu dengan musuh, maka umat Islam tidak boleh lari daripada peperangan tersebut. Ketika bertemu dengan musuh ini, mereka digalakkan untuk berdoa sebagaimana tuntutan ZDK5 dengan kenyataan daripada hadis berikut (Al-Bukhari, 2015: 2801):

عَنْ سَالِمِ أَبِي التَّضَرِّ مَوْلَى عُمَرَ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ: «كُنْتُ كَاتِبًا لَهُ قَالَ كَتَبَ إِلَيْهِ عَبْدُ اللَّهِ بْنُ أَبِي أَوْفَى حِينَ خَرَجَ إِلَى الْحُرُورِيَّةِ فَقَرَأَتْهُ فَإِذَا فِيهِ إِنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ فِي بَعْضِ أَيَّامِهِ الَّتِي لَقِي فِيهَا الْعَدُوَّ انْتَهَرَ

حَتَّى مَالَتْ الشَّمْسُ ثُمَّ قَامَ فِي النَّاسِ فَقَالَ أَيُّهَا النَّاسُ لَا تَمَتُّوْا لِقَاءَ
الْعَدُوِّ وَسَلُّوْا اللّٰهَ الْعَافِيَةَ فَإِذَا لَقِيْتُمُوهُمْ فَاصْبِرُوا وَاعْلَمُوا أَنَّ الْجَنَّةَ
تَحْتَ ظِلَالِ السُّيُوفِ ثُمَّ قَالَ: «اللَّهُمَّ مُنْزِلَ الْكِتَابِ وَمُجْرِي السَّحَابِ
وَهَازِمَ الْأَحْزَابِ اهْزِمْهُمْ وَانصُرْنَا عَلَيْهِمْ».

Maksud: *Salim Abu al-Nadir, khadam Umar bin Ubaidillah berkata, "Aku adalah juru tulis baginya. Katanya, "Abdullah bin Abi 'Aufa menulis surat kepadanya ketika dia keluar berperang untuk menghadapi kaum al-Haruriyah. Maka aku membacakan surat itu ternyata didalamnya berisi keterangan bahwa Rasulullah SAW pada sebahagian kehidupan baginda ketika berjumpa dengan musuh, Baginda menunggu hingga matahari tergelincir kemudian baginda berdiri di hadapan manusia lalu bersabda, "Wahai sekamu manusia, janganlah kamu mengharapkan berjumpa dengan musuh akan tetapi mohonlah kepada Allah keselamatan. Dan apabila kamu berjumpa dengan musuh maka bersabarlah dan ketahuilah bahwa syurga itu terletak di bawah libasan pedang." Kemudian baginda berdoa dengan doa (yang bermaksud): "Ya Allah, Yang Menurunkan Kitab, Yang Menggiring awan, yang Menghancurkan pasukan sekutu, hancurkanlah mereka dan tolonglah kami menghadapi mereka."*

(Al-Bukhari)

Hadis ini juga mengajarkan doa untuk dipohon oleh umat Islam terhadap musuh Islam agar dihancurkan oleh Allah SWT sebagaimana anjuran dalam ZDK5. Namun, umat Islam itu sendiri dituntut ketika sebelum peperangan agar Allah SWT membantu mereka.

Ketika peperangan ini, Rasulullah SAW mengajarkan doa ZDK4 untuk menghadapi musuh sebagaimana yang disebutkan dalam hadis berikut (Abu Dawud, 2015: 2262):

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ إِذَا غَزَا قَالَ: «اللَّهُمَّ أَنْتَ عَضُدِي وَنَصِيرِي بِكَ أَحُولُ وَبِكَ أَصُولُ وَبِكَ أَقَاتِلُ.»

Maksud: *Anas bin Malik RA berkata; Rasulullah SAW apabila berperang baginda berdoa yang bermaksud, “Ya Allah, Engkau adalah Penolongku, dan Yang memberikan kemenangan kepadaku, dengan-Mu aku menghalangi musuh, dan dengan-Mu aku menyerang serta dengan-Mu aku berperang.”*

(Abu Dawud)

Selain itu, umat Islam digalakkan untuk berdoa untuk kedua-dua kemenangan orang Islam ketika menghadapi peperangan, iaitu sama ada mati sebagai syahid dan memberi kemenangan umat Islam dalam peperangan. Doa ini sebagaimana yang diajarkan oleh Sahabat al-Nu‘man dalam athar doanya (Al-Hakim, 1990: 5279):

اللَّهُمَّ ارْزُقِ الْيَوْمَ التُّعْمَانَ شَهَادَةً تَنْصُرُ الْمُسْلِمِينَ، وَافْتَحْ عَلَيْهِمْ.

Maksud: *Ya Allah! Kurniakanlah untuk al-Nu‘man pada hari ini mati syahid yang dengan kesyahidan itu Engkau menolong umat Islam dan berikanlah kemenangan buat mereka.*

(Al-Hakim)

Doa ini ditukar perkataan ‘al-Nu‘man’ kepada perkataan ganti nama ‘kami’ bagi merujuk kepada umat Islam yang berperang dengan tentera kafir agar diberikan syahid sebagaimana yang ditunjukkan dalam ZDK3.

Galakan Berdoa Beramal untuk Terjauh Penyakit dan Mengubati Penyakit

Ketika era peperangan terakhir antara Barat dan umat Islam, iaitu sebelum kedatangan Dajjal, zaman sudah kembali tanpa teknologi. Hal ini digambarkan oleh Rasulullah dalam hadis yang diriwayatkan oleh 'Abdullah bin Mas'ud yang panjang, tetapi diringkaskan potongan berikut selepas selesai peperangan dan umat Islam memenangi peperangan dalam pusingan yang keempat dengan harta ghanimah yang banyak (Muslim, 2015: 2899):

فَبَيْنَمَا هُمْ كَذَلِكَ إِذْ سَمِعُوا بِبَأْسٍ، هُوَ أَكْبَرُ مِنْ ذَلِكَ، فَجَاءَهُمُ الصَّرِيحُ،
 إِنَّ الدَّجَالَ قَدْ خَلَفَهُمْ فِي ذَرَارِيِّهِمْ، فَيَرْفُضُونَ مَا فِي أَيْدِيهِمْ، وَيُقْبِلُونَ،
 فَيَبْعَثُونَ عَشْرَةَ فَوَارِسَ طَلِيْعَةَ، قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: «إِنِّي لَأَعْرِفُ
 أَسْمَاءَهُمْ وَأَسْمَاءَ آبَائِهِمْ، وَالْوَانَ خِيُولِهِمْ، هُمْ خَيْرُ فَوَارِسَ عَلَى ظَهْرِ
 الْأَرْضِ يَوْمَئِذٍ - أَوْ مِنْ خَيْرِ فَوَارِسَ عَلَى ظَهْرِ الْأَرْضِ يَوْمَئِذٍ.»

Maksud: Saat mereka seperti itu, mereka tiba-tiba mendengar serangan lebih besar dari itu (peperangan terakhir) kemudian orang yang berteriak mendatangi mereka bahwa Dajjal mengganti mereka dikeluarkan mereka lalu mereka membuang yang ada ditangan mereka (harga ghanimah) kemudian pulang. Setelah itu mereka mengirim sepuluh tentara berkuda ke depan. Rasulullah SAW bersabda, "Sesungguhnya aku mengetahui nama mereka, nama ayah mereka, dan warna kuda mereka. Mereka adalah tentara berkuda terbaik di muka bumi pada ketika itu atau antara tentara berkuda yang terbaik di atas bumi ketika itu.

(Muslim)

Hadis ini menunjukkan bahawa umat Islam dan orang kafir berperang menggunakan pedang dan kuda. Hal ini menunjukkan bahawa teknologi

dunia sudah tidak wujud sewaktu sebelum kedatangan Dajjal. Oleh itu, rawatan untuk kesakitan atau ditimpa sakit sememangnya sudah tidak wujud melainkan dengan menggunakan doa yang diajarkan oleh Nabi SAW.

Langkah pertama yang diajarkan oleh Rasulullah SAW adalah dengan bermohon untuk terlindung daripada perkara yang memudaratkan diri sama ada penyakit atau kemalangan sepertimana dalam ZDK7. Hal ini dinyatakan oleh Rasulullah dalam hadisnya untuk amalan ini (Abu Dawud, 2009: 5088):

عَنْ عُثْمَانَ بْنِ عَفَّانَ، يَقُولُ سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ يَقُولُ: «مَنْ قَالَ: بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. ثَلَاثَ مَرَّاتٍ، لَمْ تُصِبْهُ فَجَاءَةٌ بَلَاءٍ، حَتَّى يُصْبِحَ، وَمَنْ قَالَهَا حِينَ يُصْبِحُ ثَلَاثَ مَرَّاتٍ، لَمْ تُصِبْهُ فَجَاءَةٌ بَلَاءٍ حَتَّى يُمْسِيَ.»

Maksud: *Uthman bin Affan berkata, aku mendengar Nabi SAW bersabda, "Sesiapa yang membaca (doa ini yang bermaksud), "Dengan nama Allah yang dengan nama-Nya, tidak ada satu pun yang dapat memberi kemudharatan di bumi mahupun di langit, Dia-lah Yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui" sebanyak tiga kali, maka dia tidak akan ditimpa bala yang datang secara tiba-tiba sehingga subuh. Dan barangsiapa yang membacanya ketika subuh sebanyak tiga kali, maka dia tidak akan ditimpa bala yang datang secara tiba-tiba sehingga petang (malam)."*

(Abu Dawud)

Ketika seseorang keluar untuk berjuang atau bermusafir, dia wajar untuk bertawakal kepada Allah SWT dengan membaca doa ketika keluarnya sebagai doa yang diajarkan Rasulullah SAW sebagaimana ZDK8. Doa ini terdapat hadis ini (Muslim, 2015: 2708):

عَنْ خَوْلَةَ بِنْتِ حَكِيمِ السُّلَمِيَّةِ، أَنَّهَا سَمِعَتْ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ، يَقُولُ: «إِذَا نَزَلَ أَحَدُكُمْ مَنْزِلًا، فَلْيَقُلْ: «أَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ، فَإِنَّهُ لَا يَضُرُّهُ شَيْءٌ حَتَّى يَرْتَحِلَ مِنْهُ.»

Maksud: *Khawlah bint Hakim al-Submiyyah* menceritakan bahawa dia mendengar Rasulullah SAW bersabda, “Apabila salah seorang dari kamu singgah di suatu tempat maka hendaklah dia berdoa (dengan doa yang bermaksud), “Aku berlindung dengan kalimat Allah yang sempurna dari keburukan apa saja yang Dia ciptakan), nescaya tidak akan ada yang membahayakannya hingga di pergi dari tempat itu.”

(Muslim)

Doa ini juga boleh diamalkan sebaik sahaja masuk waktu Asar agar terpelihara daripada perkara yang memudaratkan seperti patukan binatang berbisa atau gangguan daripada makhluk zahir atau halus (Muslim, 2015: 2709) apatah lagi era Dajjal, semua syaitan dan jin kafir menjadi tenteranya untuk menipu manusia.

Perlindungan daripada doa yang paling sempurna ketika hari kiamat untuk diri, ahli keluarga, dan harta ada diajarkan oleh Rasulullah SAW sebagaimana dalam ZDK9. Doa ini diajarkan oleh baginda SAW sepertimana yang disebutkan dalam hadis ini (Abu Dawud, 2009: 5074):

عَنْ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ: «لَمْ يَكُنْ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ يَدْعُ هَؤُلَاءِ الدَّعَوَاتِ حِينَ يُمَسِّي، وَحِينَ يُصْبِحُ: «اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ الْعَافِيَةَ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ، اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ الْعَفْوَ وَالْعَافِيَةَ فِي دِينِي وَدُنْيَايَ وَأَهْلِي وَمَالِي، اللَّهُمَّ اسْتُرْ عَوْرَتِي.» وَقَالَ عُثْمَانُ: «عَوْرَاتِي وَأَمِنْ رَوْعَاتِي، اللَّهُمَّ احْفَظْنِي مِنْ بَيْنِ يَدَيْ، وَمِنْ خَلْفِي، وَعَنْ يَمِينِي، وَعَنْ شِمَالِي، وَمِنْ قَوْتِي، وَأَعُوذُ بِعَظَمَتِكَ أَنْ أُغْتَالَ مِنْ تَحْتِي.»

Maksud: *Ibnu Umar berkata, “Belum pernah Rasulullah SAW meninggalkan doa ini ketika menjelang waktu petang dan pagi hari (yang bermaksud), “Ya Allah, aku memohon kepada-mu keselamatan di dunia dan di akhirat. Ya Allah, aku mohon kepada-Mu pemaafan dan keselamatan dalam agama, dunia, keluarga dan harta. Ya Allah, tutupilah auratku.” Uthman menyebutkan dengan lafaz, “(Tutupilah) auratku, dan amankanlah aku dari rasa takut. Ya Allah, jagalah aku dari depan, belakang, sisi kanan, sisi kiri, dan dari atas. Aku berlindung kepada-Mu dengan kebesaran-Mu agar aku tidak diserang dari arah bawah.”*

(*Abu Dawud*)

Seterusnya, ZDK10 pula ialah doa bagi orang yang sedang dalam kesakitan sama ada luka atau terkena jangkitan, mereka boleh mengubati kawasan yang kesakitan dengan doa yang diajarkan oleh Rasulullah SAW. Doa tersebut sebagaimana yang disebutkan dalam hadis ini (Muslim, 2015: 4082):

عَنْ عُمَانَ بْنِ أَبِي الْعَاصِ التَّقْفِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّهُ شَكَاَ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَجَعًا يَجِدُهُ فِي جَسَدِهِ مُنْذُ أَسْلَمَ فَقَالَ لَهُ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «ضَعْ يَدَكَ عَلَى الَّذِي تَأَلَّمَ مِنْ جَسَدِكَ وَقُلْ بِاسْمِ اللَّهِ ثَلَاثًا وَقُلْ سَبْعَ مَرَّاتٍ أَعُوذُ بِاللَّهِ وَقُدْرَتِهِ مِنْ شَرِّ مَا أَجِدُ وَأُحَاذِرُ.»

Maksud: *Utsman bin Abu al-'Ash Ats Tsaqafi bahwa dia mengadukan kepada Rasulullah SAW suatu penyakit yang dideritanya sejak ia masuk Islam. Maka Rasulullah SAW bersabda kepadanya, “Letakkan tanganmu di tubuhmu yang terasa sakit, kemudian ucapkan Bismillah tiga kali, sesudah itu baca tujuh kali dengan doa yang bermaksud, “Aku berlindung kepada Allah dan kekuasaan-Nya dari penyakit yang aku derita dan aku cemaskan).”*

(*Muslim*)

Salah satu tanda terpenting hari kiamat ialah dengan kedatangan penyakit berjangkit yang datang daripada haiwan kepada manusia. Hal ini sebagaimana yang dijelaskan oleh hadis berikut yang diringkaskan (Al-Bukhari, 2001: 3176):

عَنْ عَوْفِ بْنِ مَالِكٍ، قَالَ: «أَتَيْتُ النَّبِيَّ ﷺ فِي غَزْوَةِ تَبُوكَ وَهُوَ فِي قُبَّةٍ مِنْ أَدَمَ، فَقَالَ: «اعْدُدْ سِتًّا بَيْنَ يَدَيْ السَّاعَةِ: «...ثُمَّ مَوْتَانُ يَأْخُذُ فِيكُمْ كَقَعَاصِ الْغَنَمِ.»

Maksud: 'Auf bin Malik berkata, "Aku menemui Nabi SAW ketika terjadi perang Tabuk ketika baginda sedang berada di tenda yang diperbuat dari kulit yang disamak. Baginda bersabda, "Hitunglah enam perkara yang akan timbul menjelang hari kiamat, "...kematian yang menyerang kamu bagaikan penyakit yang menyerang kambing sehingga mati."

(Al-Bukhari)

Oleh itu, umat Islam wajar memasukkan dalam doa harian mereka agar terpelihara daripada penyakit berjangkit sebagaimana yang ditunjukkan dalam ZDK10. Doa ini diajarkan oleh Nabi SAW sepertimana yang dijelaskan dalam hadis berikut (Abu Dawud, 2009: 1554):

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ، أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ كَانَ يَقُولُ: «اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ.»

Maksud: 'Anas RA menceritakan bahawa Nabi SAW pernah berdoa dengan doa (yang bermaksud), "Ya Allah, sungguh aku berlindung kepada-Mu dari penyakit belang (kulit), gila, kusta, dan dari keburukan segala macam penyakit."

(Abu Dawud)

Semoga umat Islam terpelihara daripada ditimpa penyakit yang boleh memberi kemudahan berkat daripada amalan doa yang diajarkan oleh Nabi SAW.

Galakan Amalan Zikir Ketika Era Hampir Kedatangan Dajjal

Amalan ini dituntut untuk semua umat Islam mengamalkannya sekalipun sebelum datangnya Dajjal dan datangnya tanda hari kiamat yang besar. Kenyataan ini sebagaimana perintah sunat untuk berzikir kepada Allah SWT pada waktu pagi dan petang. Perintah ini merupakan perintah yang paling banyak diperintahkan oleh Allah SWT kepada umat Islam dalam al-Quran melalui firman-Nya:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اذْكُرُوا اللَّهَ ذِكْرًا كَثِيرًا ۖ وَسَبِّحُوا كَثِيرَةً وَأَصِيلًا ﴿٤١﴾

Maksud: *Wahai orang yang beriman, (untuk bersyukur kepada Allah) ingatlah serta sebutlah nama Allah dengan ingatan serta sebutan yang sebanyak-banyaknya; (41)*

(Surah *al-Ahzab*, 33: 41)

Allah SWT juga berfirman:

لِتُؤْمِنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ ۖ وَتُعَزِّرُوهُ وَتُوَقِّرُوهُ ۖ وَتُسَبِّحُوهُ بُكْرَةً وَأَصِيلًا ﴿٩﴾

Maksud: *(Kami mengutusmu wahai Muhammad) supaya engkau dan umatmu beriman kepada Allah dan Rasul-Nya, dan supaya kamu kuatkan agama-Nya serta memuliakan-Nya, dan supaya kamu beribadat kepada-Nya pada waktu pagi dan petang. (9)*

(Surah *al-Fath*, 48: 9)

Dalam firman-Nya lain pula menyatakan:

وَأَذْكُرْ اسْمَ رَبِّكَ بُكْرَةً وَأَصِيلًا ﴿٢٥﴾

Maksud: *Dan sebutlah dengan lidah atau dengan hati akan nama Tuhanmu (di dalam dan di luar solat), pada waktu pagi dan petang: (25)*

(Surah *al-Insan*, 76: 25)

Berdasarkan ketiga-tiga firman Allah SWT ini jelas bahawa Allah SWT memerintahkan umat Islam mendekatkan dirinya pada waktu pagi, iaitu merujuk selepas subuh dan waktu petang, iaitu merujuk kepada waktu asar. Oleh kerana itu, dalam syariat Islam selepas kedua-dua waktu, tidak ada solat sunat diperintahkan. Solat sunat itu pada hakikatnya digantikan dengan perintah sunat untuk berzikir dan bertasbih untuk mengingati Allah SWT.

Apa yang disyariatkan untuk umat Islam berzikir dan bertasbih serta bagaimana penting amalan ini ketika hari kiamat akan dijelaskan serba sedikit. Zikir pertama, iaitu ZDK 16, merupakan ‘tasbih atau zikir empat kalimah’. Tasbih empat kalimah ini dalam banyak hadis adalah merupakan tasbih sangat baik sebagaimana maksud hadis ini (Ibn Majah, 2009: 3807):

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَرَّ بِهِ وَهُوَ يَغْرِسُ غَرْسًا، فَقَالَ: «يَا أَبَا هُرَيْرَةَ، مَا الَّذِي تَغْرِسُ؟» قُلْتُ: غِرَاسًا لِي، قَالَ: «أَلَا أَدُلُّكَ عَلَى غِرَاسٍ خَيْرٍ لَكَ مِنْ هَذَا؟» قَالَ: بَلَى يَا رَسُولَ اللَّهِ، قَالَ: «قُلْ: «سُبْحَانَ اللَّهِ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ، وَلَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَاللَّهُ أَكْبَرُ، يُغْرِسُ لَكَ بِكُلِّ وَاحِدَةٍ شَجْرَةً فِي الْجَنَّةِ.»

Maksud: *Abu Hurayrah menceritakan bahawa Rasulullah SAW pernah melawatnya ketika dia sedang menanam tanaman, maka baginda*

SAW bersabda, “Wahai Abu Hurayrah! Tanaman apa yang kamu tanam?” Dia menjawab, “Tanaman milikku.” Baginda bersabda, “Apakah kamu mahu aku beritabukan tentang tanaman yang bagimu akan lebih baik dari tanaman ini?” Abu Hurayrah menjawab, “Tentu wahai Rasulullah!” Baginda bersabda, “Ucapkanlah olehmu (yang bermaksud), Maha Suci Allah. Segala pujian bagi Allah. Tidak ada tuhan yang layat disembah selain Allah. Allah Maha Besar. Maka setiap bacaan tersebut akan menumbuhkan satu pohon di surga bagimu.”

(Ibn Majah)

Tasbih empat kalimah ini buat umat Islam adalah sangat penting khususnya ketika pada hari kedatangan Dajjal. Ketika itu, umat manusia tidak memiliki makanan kerana sudah dikaut oleh Dajjal. Umat Islam pada masa itu hanya menjadilah tasbih kalimah empat ini sebagai makanan mereka. Kenyataan ini sebagaimana yang dijelaskan oleh hadis berikut (Ibn Majah, 2009: 4077):

عَنْ أَبِي أَمَامَةَ الْبَاهِلِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: «خَطَبَنَا رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: (...إِنَّ قَبْلَ خُرُوجِ الدَّجَالِ ثَلَاثَ سِنَوَاتٍ شَدَادٍ، يُصِيبُ النَّاسَ فِيهَا جُوعٌ شَدِيدٌ، يَأْمُرُ اللَّهُ السَّمَاءَ فِي السَّنَةِ الْأُولَى أَنْ تَحْبِسَ ثُلُثَ مَطَرِهَا، وَيَأْمُرُ الْأَرْضَ فَتَحْبِسُ ثُلُثَ نَبَاتِهَا، ثُمَّ يَأْمُرُ السَّمَاءَ، فِي الثَّانِيَةِ فَتَحْبِسُ ثُلُثِي مَطَرِهَا، وَيَأْمُرُ الْأَرْضَ فَتَحْبِسُ ثُلُثِي نَبَاتِهَا، ثُمَّ يَأْمُرُ اللَّهُ السَّمَاءَ، فِي السَّنَةِ الثَّالِثَةِ، فَتَحْبِسُ مَطَرَهَا كُلَّهُ، فَلَا تُقَطِرُ قَطْرَةً، وَيَأْمُرُ الْأَرْضَ، فَتَحْبِسُ نَبَاتَهَا كُلَّهُ، فَلَا تُنْبِتُ خَضِرَاءً، فَلَا تَبْقَى ذَاتُ ظَلْفٍ إِلَّا هَلَكَتْ، إِلَّا مَا شَاءَ اللَّهُ.» قِيلَ: «فَمَا يُعِيشُ النَّاسُ فِي ذَلِكَ الزَّمَانِ؟» قَالَ: «التَّهْلِيلُ، وَالتَّكْبِيرُ، وَالتَّسْبِيحُ، وَالتَّحْمِيدُ، وَيَجْرِي ذَلِكَ عَلَيْهِمْ مَجْرَى الطَّعَامِ.»

Maksud: Abu 'Umamah al-Bahili RA berkata, "Rasulullah SAW pernah berkhotbah di hadapan kami, "...Sesungguhnya tiga tahun sebelum munculnya Dajjal, adalah waktu yang sangat sukar, dimana manusia akan ditimpa oleh kelaparan yang sangat. Allah akan memerintahkan kepada langit pada tahun pertama untuk menahan sepertiga dari hujannya, dan memerintahkan kepada bumi untuk menahan sepertiga dari tanamannya. Dan pada tahun kedua Allah akan memerintahkan kepada langit untuk menahan dua pertiga dari hujannya dan memerintahkan kepada bumi untuk menahan dua pertiga dari tumbuhannya. Kemudian pada tahun yang ketiga, Allah memerintahkan kepada langit untuk menahan semua air hujannya, maka hujan tidak menitiskan setitispun air dan Allah memerintahkan kepada bumi untuk menahan semua tanamannya, maka setelah itu tidak dijumpai satu tanaman hijau yang tumbuh dan semua binatang yang berkuku akan mati, kecuali yang tidak dikehendaki oleh Allah." Kemudian para sahabat bertanya, "Dengan apakah manusia akan hidup pada ketika itu?" Baginda menjawab, "Tahlil, takbir, dan tahmid akan sama artinya bagi mereka dengan makanan."

(Ibn Majah)

Ketika datangnya Dajjal ini, umat manusia diselubungi dengan al-Dukhan, iaitu asap tebal yang menyelubungi seluruh alam. Ketika ini, salah satu zikir terpenting ialah ZDK 15. Zikir ini diamalkan ketika berlakunya bencana atau ketika umat manusia dihujani dengan batu daripada langit, tertimbus atau tenggelam dalam tanah dan air. Nabi yang mengamalkan zikir ini ialah Nabi Yunus AS sebagaimana yang diberitakan oleh Allah SWT dalam firman-Nya:

وَذَا التُّونِ إِذ ذَّهَبَ مُغَاضِبًا فَظَنَّ أَنْ لَنْ نَقْدِرَ عَلَيْهِ فَنَادَى فِي الظُّلُمَاتِ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ

Maksud: *Dan (sebutkanlah peristiwa) Zun-Nun, ketika ia pergi (meninggalkan kaumnya) dalam keadaan marah, yang menyebabkan ia menyangka bahawa Kami tidak akan mengenakannya kesubahan atau cubaan; (setelah berlaku kepadanya apa yang berlaku) maka ia pun menyeru dalam keadaan yang gelap-gelita dengan berkata, “Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau (ya Allah)! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya, tolongkanlah daku)! Sesungguhnya aku adalah dari orang yang menganiaya diri sendiri.” (87)*

(Surah *al-Anbiya*, 21: 87)

Zikir ini sememangnya dianjurkan oleh Allah SWT kepada umat Islam sebagaimana yang diriwayatkan dalam hadis baginda, iaitu (Al-Tirmidhi, 2015: 3427):

عَنْ سَعْدِ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ دَعَا ذِي النُّونِ إِذْ دَعَا وَهُوَ فِي بَطْنِ الْحُوتِ: «لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ فَإِنَّهُ لَمْ يَدْعُ بِهَا رَجُلٌ مُسْلِمٌ فِي شَيْءٍ قَطُّ إِلَّا اسْتَجَابَ اللَّهُ لَهُ.»

Maksud: *Sa'd berkata, “Rasulullah SAW bersabda, “Doa Zun Nun (Nabi Yunus AS) ketika ia berdoa dalam perut ikan paus ialah (yang bermaksud), “Tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau (ya Allah)! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya, tolongkanlah daku)! Sesungguhnya aku adalah dari orang yang menganiaya diri sendiri.” Sesungguhnya tidaklah seorang Muslim berdoa dengannya dalam suatu masalah melainkan Allah kabulkan doanya.”*

(Al-Tirmidhi)

Hadis ini diperkukuhkan lagi dengan kenyataan hadis yang lain (Al-Hakim, 1990: 1864; Al-Bayhaqi, 2003: 186; Al-Nasa'i, 2001: 10416):

عَنْ إِبْرَاهِيمَ بْنِ مُحَمَّدِ بْنِ سَعْدٍ، عَنْ أَبِيهِ، عَنْ جَدِّهِ، قَالَ: «كُنَّا جُلُوسًا
عِنْدَ النَّبِيِّ ﷺ، فَقَالَ: «أَلَا أُخْبِرُكُمْ بِشَيْءٍ إِذَا نَزَلَ بِرَجُلٍ مِنْكُمْ كَرْبٌ،
أَوْ بَلَاءٌ مِنْ بَلَايَا الدُّنْيَا دَعَا بِهِ يُفَرِّجُ عَنْهُ؟» فَقِيلَ لَهُ: «بَلَى». فَقَالَ:
«دُعَاءُ ذِي التُّونِ: «لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ.»

Maksud: Ibrahim bin Muhammad bin Sa'd menceritakan daripada bapanya dan daripada datuknya dengan katanya, "Mahukah kamu aku mengkhabarkan tentang satu doa yang apabila seseorang lelaki daripada kamp yang ditimpa kesusahan, atau musibah kesusahan atau musibah dunia, lalu dia berdoa dengannya dan dapat dia keluar daripada kesusahan tersebut. Para sahabat berkata, "Sudah tentu." Lalu baginda SAW bersabda, "Doa Zu al-Nun, iaitu (yang bermaksud), "Tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau (ya Allah)! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya, tolongkanlah daku)! Sesungguhnya aku adalah dari orang yang menganiaya diri sendiri."

(*Al-Hakim, al-Bayhaqi, dan al-Nasa'i*)

Manakala amalan zikir 'Allah' atau 'Ya Allah' dalam ZDK17 dan zikir 'لا إله إلا الله' yang terdapat dalam ZDK16 merupakan zikir yang pernah disebutkan dalam hadis tentang apa yang akan berlaku pada hari kiamat nanti. Namun dalam konteks hari ini, bagi umat Islam yang jauh daripada kelompok Islam. Ada dalam kalangan mereka sudah ke tahap tidak mengenal agama. Hanya yang mereka tahu menyebut nama 'Allah' dan ucapan 'لا إله إلا الله' sahaja. Selagi ada orang yang masih menyebut dua kalimah ini, maka dunia tidak dikiamatkan. Hal ini demikian kerana dalam dunia ini masih ada umat Islam yang masih boleh mengucapkan kedua-dua kalimah ini. Hujah amalan ini sebagaimana yang dijelaskan dalam hadis berikut (Muslim, t.th.: 148):

عَنْ أَنَسٍ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ قَالَ: «لَا تَقُومُ السَّاعَةُ حَتَّى لَا يُقَالَ فِي الْأَرْضِ: «اللَّهُ، اللَّهُ.»»

Maksud: *Anas RA menceritakan bahawa Rasulullah SAW bersabda, "Kiamat tidak akan berlaku sehingga tidak ada lagi orang yang mengucapkan di dunia, "Allah! Allah!"*

(Muslim)

Manakala dalam hadis yang lain pula menyebut (Ibn Hibban, 1993):

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ، قَالَ: «قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: «لَا تَقُومُ السَّاعَةُ عَلَى أَحَدٍ يَقُولُ: لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ.»»

Maksud: *Anas RA menceritakan bahawa Rasulullah SAW bersabda, "Kiamat tidak akan berlaku sehingga tidak ada lagi orang yang mengucapkan di dunia, "Lailahillab!"*

(Ibn Hibban)

Kedua-dua kalimah wajar menjadi zikir yang penting bagi memastikan agar alam kekal berdiri. Jika tidak ada lagi orang yang mahu menzikirkan dengan kedua-dua kalimah ini, Allah SWT akan membinasakan alam ini.

Beristighfar sebagaimana ZDK18 merupakan antara perkara terpenting untuk dilakukan oleh umat akhir zaman pada setiap pagi dan petang. Hal ini demikian kerana, dosa yang dilakukan oleh umat Islam kadang kala sudah tidak disedari oleh mereka sama ada ketiak berkomunikasi secara nyata apatah lagi secara tidak nyata seperti di instagram atau facebook. Melalui istighfar ini, Allah SWT akan membersihkan dosa seseorang hamba. Satu hadis menjelaskan (Al-Hakim, 1990: 1884):

عَنِ ابْنِ مَسْعُودٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: «قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: «مَنْ قَالَ: «أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ، وَأَتُوبُ إِلَيْهِ ثَلَاثًا، غُفِرَتْ لَهُ ذُنُوبُهُ، وَإِنْ كَانَ قَارًا مِنْ الرَّحْفِ.»

Maksud: *Ibn Mas'ud RA berkata, "Rasulullah SAW bersabda, "Siapa yang mengucapkan (yang bererti), "Aku meminta ampunan kepada Allah yang Maha Agung yang tidak ada Tuhan selain Dia yang Maha Hidup dan Berdiri sendiri. Aku bertaubat kepada-Nya sebanyak tiga kali, maka dosa-dosanya diampuni meskipun ia lari dari medan peperangan (di mana hal itu adalah termasuk dosa yang besar)."*

(Al-Hakim)

Sebelum dan ketika Dajjal datang umat Islam berada dalam keadaan yang sukar dan dukacita kerana berperang dan Dajjal pula mengikat makanan dalam tangannya. Umat Islam hanya boleh bergantung kepada Istighfar untuk menghilangkan dukacita dan menarik rezeki. Kenyataan ini dijelaskan sendiri oleh hadis berikut (Ahmad, 2001: 2234):

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: «قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: «مَنْ أَكْثَرَ مِنَ الْأَسْتِغْفَارِ، جَعَلَ اللَّهُ لَهُ مِنْ كُلِّ فَرْجٍ، وَمِنْ كُلِّ ضَيْقٍ مَخْرَجًا، وَرَزَقَهُ مِنْ حَيْثُ لَا يَحْتَسِبُ.»

Maksud: *Ibn 'Abbas RA berkata, "Rasulullah SAW bersabda, "Siapa yang memperbanyak istighfar maka Allah akan menjadikan untuknya kelapangan dari setiap kegundahan, jalan keluar dari setiap kesempitan, dan Dia memberikan rezeki untuknya dari jalan yang tidak terduga."*

(Ahmad)

Selain istighfar, berselawat kepada Nabi Muhammad SAW seperti ZDK19 juga merupakan amalan yang penting bagi membolahkan orang yang berselawat mendapat perlindungan dan keselamatan dalam hidup. Hal ini kerana maksud selawat ialah memohon kesejahteraan dan keselamatan buat nabi Muhammad SAW. Sedangkan setiap satu salawat ditujukan kepada baginda, maka orang yang berselawat mendapat doa keselamatan dan kesejahteraan sebanyak 10. Kenyataan ini ditegaskan dalam hadis berikut (Al-Nasa'i, 1986: 1297):

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: «مَنْ صَلَّى عَلَيَّ
صَلَاةً وَاحِدَةً صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ عَشْرَ صَلَوَاتٍ، وَحُطَّتْ عَنْهُ
عَشْرُ خَطِيئَاتٍ، وَرُفِعَتْ لَهُ عَشْرُ دَرَجَاتٍ.»

Maksud: *Anas bin Malik RA berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda, "Sesiapa yang mengucapkan selawat kepadaku satu kali maka Allah akan berselawat baginya sepuluh kali, dan digugurkan sepuluh kesalahan (dosa)nya, serta ditinggikan baginya sepuluh darjat (di syurga kelak)."*

(Al-Nasa'i)

Semoga umat Islam dalam mengamalkan tasbih dan zikir pada waktu pagi dan petang bagi mengukuhkan rohani dan jasmani mereka untuk menghadapi cabaran hari kiamat. Di samping itu mereka boleh memperoleh kelebihan tambahan sepertimana yang dibincangkan dalam hadis pengmalan zikir dan tasbih ini.

Galakan Berdoa dan Beramal Agar Terjauh daripada Fitnah Dajjal

Selain galakan bertasbih dan berzikir, umat Islam juga digalakkan dalam kehidupan mereka untuk mengamalkan doa harian dan dalam doa mereka untuk bermohon agar diselamatkan daripada fitnah Dajjal yang

boleh meruntuhkan iman seseorang sekiranya mereka berjumpa dengan Dajjal. Oleh kerana itu, semua umat Islam digalakkan untuk berdoa agar terjauh daripada fitnah Dajjal ini bahkan terjauh daripada berjumpa dengannya. Doa memohon dijauhkan daripada fitnah Dajjal ini sebagaimana ZDK 14 datangnya daripada hadis berikut (Al-Bukhari, 2015: 789)

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا زَوْجَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَخْبَرَتْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَدْعُو فِي الصَّلَاةِ : «اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ فِتْنَةِ الْمَسِيحِ الدَّجَالِ وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ فِتْنَةِ الْمَحْيَا وَفِتْنَةِ الْمَمَاتِ اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْمَأْتَمِ وَالْمُعْرَمِ.» فَقَالَ لَهُ قَائِلٌ مَا أَكْثَرَ مَا تَسْتَعِيدُ مِنَ الْمُعْرَمِ فَقَالَ إِنَّ الرَّجُلَ إِذَا عَرِمَ حَدَّثَ فَكَذَبَ وَوَعَدَ فَأَخْلَفَ.

Maksud: 'Aisyah isteri Nabi SAW, dia mengabarkan kepadanya, bahwa Rasulullah SAW di dalam solat membaca doa (yang bermaksud), "Ya Allah, aku berlindung kepada-Mu dari siksa kubur dan aku berlindung kepada-Mu dari fitnah al-Masih al-Dajjal, dan aku berlindung kepada-Mu dari fitnah kehidupan dan fitnah kematian. Ya Allah, aku berlindung kepada-Mu dari perbuatan dosa dan hutang." Tiba-tiba ada seseorang berkata kepada baginda, "Kenapa tuan banyak meminta perlindungan dari hutang?" Baginda menjawab, "Sesungguhnya apabila seseorang berhutang dia akan cenderung berkata dusta dan berjanji lalu mengingkarinya."

(Al-Bukhari)

Terdapat banyak doa yang diajarkan dalam al-Quran dan hadis agar umat Islam terlindung daripada fitnah *Duhaima*, iaitu ketika kedatangan Dajjal dan tenteranya. Doa ini, ZDK 12 sewajarnya dibaca ketika sebelum kedatangannya apatah lagi ketika kedatangannya. Ayat

berikut merupakan firman Allah SWT yang mengajarkan umat Islam untuk berdoa agar ditetapkan dalam Islam dan iman:

رَبَّنَا لَا تُزِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً إِنَّكَ أَنْتَ
 الْوَهَّابُ ﴿٨﴾

Maksud: *Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau memesongkan hati kami sesudah Engkau beri petunjuk kepada kami, dan kurniakanlah kepada kami limpah rahmat dari sisi-Mu; sesungguhnya Engkau jualah Tuhan Yang melimpah-limpah pemberian-Nya.*

(Surah *Ali 'Imran*, 3: 8)

Doa ini wajar disambung dengan doa yang diajarkan oleh Nabi SAW dalam hadisnya yang menjelaskan dengan lebih lanjut tentang sifat Iman dalam hati manusia (Al-Tirmidhi, 2015: 3444):

عَنْ شَهْرِ بْنِ حَوْشَبٍ قَالَ قُلْتُ لِأُمِّ سَلَمَةَ يَا أُمَّ الْمُؤْمِنِينَ مَا كَانَ أَكْثَرَ دُعَاءِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ إِذَا كَانَ عِنْدَكَ قَالَتْ كَانَ أَكْثَرَ دُعَائِهِ يَا مُقَلَّبَ الْقُلُوبِ ثَبَّتْ قَلْبِي عَلَى دِينِكَ قَالَتْ فَقُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ مَا أَكْثَرَ دُعَائِكَ يَا مُقَلَّبَ الْقُلُوبِ ثَبَّتْ قَلْبِي عَلَى دِينِكَ قَالَ يَا أُمَّ سَلَمَةَ إِنَّهُ لَيْسَ آدَمِيٌّ إِلَّا وَقَلْبُهُ بَيْنَ أَصْبُعَيْنِ مِنْ أَصَابِعِ اللَّهِ فَمَنْ شَاءَ أَقَامَ.

Maksud: *Shahr bin Hausyab berkata, "Aku bertanya kepada Ummu Salamah, "Wahai Umm al-Mukminin, apakah doa Rasulullah SAW yang paling selalu diamalkan ketika bersamamu? Ummu Salamah berkata, "Doa baginda SAW yang paling selalu baginda amalkan ialah (yang bermaksud), "Wahai Zat yang membolak-balikkan hati, tetapkanlah hatiku di atas agama-Mu. Ummu Salamah bertanya, "Wahai Rasulullah,*

mengapa engkau selalu berdoa, “Wahai Zat yang membolak-balikkan hati, tetapkanlah hatiku di atas agama-Mu. Baginda SAW menjawab, “Wahai Ummu Salamah, sesungguhnya tidak ada seorang manusia pun melainkan hatinya berada antara dua jari antara jari Allah. Barang siapa yang Allah kehendaki maka Dia akan meluruskannya dan barang siapa yang Allah kehendaki maka Dia akan membelokkannya.”

(Al-Tirmidhi)

Selain doa agar diperkuatkan keimanan, doa untuk diberikan kekuatan agar kekal beramal dengan amalan kesolehan sebagaimana ZDK13 juga dituntut untuk diminta ketika fitnah Dajjal semakin mendekat dan ketika keluarnya. Doa agar dikekalkan dalam kesolehan ini pernah diajarkan oleh Rasulullah SAW dalam hadisnya ini (Muslim, 2015: 4897):

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ: «كَانَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ يَقُولُ: «اللَّهُمَّ أَصْلِحْ لِي دِينِي
الَّذِي هُوَ عِصْمَةٌ أَمْرِي وَأَصْلِحْ لِي دُنْيَايَ الَّتِي فِيهَا مَعَاشِي وَأَصْلِحْ
لِي آخِرَتِي الَّتِي فِيهَا مَعَادِي وَاجْعَلْ الْحَيَاةَ زِيَادَةً لِي فِي كُلِّ خَيْرٍ وَاجْعَلْ
الْمَوْتَ رَاحَةً لِي مِنْ كُلِّ شَرٍّ.»

Maksud: Abu Hurayrah berkata, “Rasulullah SAW pernah berdoa dengan doa berikut (yang bermaksud), “Ya Allah ya Tuhanku, perbaikilah bagiku agamaku sebagai benteng urusanku; perbaikilah bagiku duniaku yang menjadi tempat kehidupanku; perbaikilah bagiku akhiratku yang menjadi tempat kembaliku! Jadikanlah ya Allah kehidupan ini mempunyai nilai tambah bagiku dalam segala kebaikan dan jadikanlah kematianku sebagai kebebasanku dari segala kejahatan!”

(Muslim)

Rasulullah SAW juga mengajarkan doa ini agar seseorang sentiasa dalam pertunjuk dan takwa (Muslim, 2015: 4898):

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ ﷺ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ أَنَّهُ كَانَ يَقُولُ: «اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ
الْهُدَى وَالْتَقَى وَالْعَفَافَ وَالْغِنَى.»

Maksud: 'Abdullah dari Nabi SAW bahwasanya beliau pernah berdoa (yang bermaksud), "Ya Allah ya Tuhanku, sesungguhnya aku memohon kepada-Mu petunjuk, ketakwaan, terhindar dari perbuatan yang tidak baik, dan kecukupan (tidak minta-minta)."

(Muslim)

Umat Islam juga dituntut untuk bermohon kepada Allah SWT agar diberikan hidayah dalam ketaataan sebagaimana doa yang diajarkan oleh Rasulullah dalam satu hadis (Muslim, 2015: 4798):

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو بْنِ الْعَاصِ ﷺ قَالَ: «أَنَّهُ سَمِعَ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ يَقُولُ: «إِنَّ قُلُوبَ بَنِي آدَمَ كُلَّهَا بَيْنَ إِصْبَعَيْنِ مِنْ أَصَابِعِ الرَّحْمَنِ كَقَلْبٍ وَاحِدٍ يُصْرَفُهُ حَيْثُ يَشَاءُ ثُمَّ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ اللَّهُمَّ مُصْرَفِ الْقُلُوبِ صَرِّفْ قُلُوبَنَا عَلَى طَاعَتِكَ.»

Maksud: 'Abdullah bin 'Amru bin al-'Ash berkata, "Ia pernah mendengar Rasulullah SAW bersabda, "Sesungguhnya hati semua manusia itu berada antara dua jari dari sekian jari Allah Yang Maha Pemurah. Allah akan memalingkan hati manusia menurut kehendak-Nya." Setelah itu, Rasulullah SAW berdoa (yang bermaksud), "Ya Allah, Zat yang memalingkan hati, palingkanlah hati kami kepada ketaatan beribadah kepada-Mu!"

(Muslim)

Setiap individu umat wajar untuk membaca dan mengafaz 10 ayat terawal dan 13 ayat terakhir daripada surah al-Kahfi kerana kedua-dua potongan ayat mempunyai kelebihan dan juga dapat menghindarkan penghafaznya daripada fitnah al-Dajjal sebagaimana yang dijelaskan dalam hadis berikut (Muslim, 2015: 1342):

عَنْ أَبِي الدَّرْدَاءِ أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَالَ: «مَنْ حَفِظَ عَشْرَ آيَاتٍ مِنْ أَوَّلِ سُورَةِ الْكَهْفِ عُصِمَ مِنَ الدَّجَالِ. وَعَنْ قَتَادَةَ: «وَمِنْ آخِرِ الْكَهْفِ.»

Maksud: 'Abu Darda' menceritakan bahwa Nabi SAW bersabda, "Siapa yang menghafaz sepuluh ayat dari awal surat al-Kahfi, maka ia akan terpelihara dari (kejahatan) Dajjal." Hadis yang sama daripada Qatadah pula ada tambahan, "Dan dari (10 ayat) akhir surah al-Kahfi."

(Muslim)

Namun dalam hadis lain pula dinyatakan dengan lebih umum bahawa ayat akhir tidak dikhususkan akhir surah al-Kahfi sebagai 10 ayat, maka penulis mendapati, plot cerita akhir dalam surah al-Kahfi tidak akan lengkap melainkan perlu bermula daripada 12 ayat yang terakhir daripada surah ini. Jika dimulakan dengan 10 ayat yang terakhir, maka maksud ayat terputus daripada plot sebelumnya, iaitu dua ayat yang sebelumnya. Pada pandangan penulis bahawa hadis ini mengkhususkan pernyataan dalam riwayat Muslim ini, iaitu (Abu Dawud, 2015: 3765):

عَنْ أَبِي الدَّرْدَاءِ، يَرْوِيهِ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ، قَالَ: «مَنْ حَفِظَ عَشْرَ آيَاتٍ مِنْ أَوَّلِ سُورَةِ الْكَهْفِ، عُصِمَ مِنْ فِتْنَةِ الدَّجَالِ.» قَالَ أَبُو دَاوُدَ: وَكَذَا قَالَ هِشَامُ الدَّسْتَوَائِيُّ، عَنْ قَتَادَةَ، إِلَّا أَنَّهُ قَالَ: «مَنْ حَفِظَ مِنْ خَوَاتِيمِ سُورَةِ الْكَهْفِ.»

Maksud: *Abu Darda'* meriwayatkan dari Nabi SAW bahwa baginda Nabi SAW bersabda, "Barangsiapa menghafal sepuluh ayat awal dari surat Al Kahfi, maka ia akan dijaga dari fitnah Dajjal." *Abu Dawud* berkata, "Seperti ini pula yang dikatakan oleh *Hisyam al-Dustuwa'i* dari *Qatadah*, hanya saja (dalam hadis itu) Rasulullah bersabda, "Barangsiapa menghafal akhir-akhir dari surat Al kahfi.

(*Abu Dawud*)

Selain itu, membaca kedua-dua potong ayat daripada surah al-Kahfi ini ada pula dinyatakan kelebihan kedua-duanya dalam hadis yang lain, iaitu (*Ahmad*, 2015: 15073):

عَنْ سَهْلِ بْنِ مُعَاذٍ عَنْ أَبِيهِ عَنِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ أَنَّهُ قَالَ: «مَنْ قَرَأَ
أَوَّلَ سُورَةِ الْكَهْفِ وَآخِرَهَا كَانَتْ لَهُ نُورًا مِنْ قَدَمِهِ إِلَى رَأْسِهِ وَمَنْ
قَرَأَهَا كُلَّهَا كَانَتْ لَهُ نُورًا مَا بَيْنَ السَّمَاءِ إِلَى الْأَرْضِ.»

Maksud: *Sahl bin Mu'az* dari Bapaknya menceritakan bahwa Rasulullah SAW bersabda, "Barangsiapa membaca awal surat al-Kahfi dan akhirnya, dia mendapatkan cahaya dari kaki sampai kepalanya. Barangsiapa membaca semuanya, dia mendapatkan cahaya antara langit dan bumi."

(*Ahmad*)

Justeru, amat wajar bagi umat untuk membaca keseluruhan surah *al-Kahfi* dan mengafaznya dengan sekurang-kurangnya menghafaz 10 ayat daripada surah ini dan 12 ayat daripada akhir surah ini.

RUMUSAN

Buku ini sudah berjaya mencadangkan amalan untuk persediaan pada hari hampir kiamat atau ketika hari kiamat khususnya ketika kedatangan Dajjal. Persediaan amalan dengan menghafal dan mengamalkan amalan ini pula sekalipun sebelum Dajjal benar-benar datang tetapi memberi faedah yang banyak kepada umat Islam dalam bentuk ganjaran dan kebaikan di dunai dan akhirat. Semoga umat Islam terpelihara daripada fitnah Dajjal ini yang menyebabkan keruntuhan iman para Muslimin.

RUJUKAN

- Abu Dawud, Sulaiman. 2009. *Sunan Abi Dawud*. Shu'aib al-Arnut & Muhammad Kamil Qurrah Balali (Ed.). Jld. 1-7. Beirut: Dar al-Risalah al-'Alamiyyah.
- Abu Dawud, Sulaiman. (2015). *Sunan Abi Dawud*. Lidwa Pusaka Hadits 9 Imam. Jakarta: Saltanera Teknologi.
- Abu Tahir, Muhammad. 1997. *Mashikbah Abi Tahir ibn Abi al-Saqar*. Jld. 1. Riyad, al-Sa'udiyah: Maktabah Rusd.
- Ahmad, Muhammad Hambal. 2001. *Musnad al-Imam Ahmad bin Hambal*. Shu'ay al-Arna'ut & 'Adil Murshid (Ed.). Al-Qahirah: Mu'assah al-Risalah.
- Ahmad, Muhammad Hambal. (2015). *Musnad al-Imam Ahmad bin Hambal*. Lidwa Pusaka Hadits 9 Imam. Jakarta: Saltanera Teknologi.
- Al-Bayhaqi, Ahmad. 2003. *Al-Sunan al-Kubra*. Muhammad 'Abd al-Qadir 'Ata (Ed.). Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Bukhari, Muhammad. 2001. *Al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulullah SAW wa Sunanihi wa Ayyamihi – Sahih al-Bukhari*. Muhammad Zuhair Nasir Al-Nasir (Ed.). Jld. 1-9. Masurah: Dar Tuq al-Najat.
- Al-Bukhari, Muhammad. (2015). *Al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulullah SAW wa Sunanihi wa Ayyamihi – Sahih al-Bukhari*. Lidwa Pusaka Hadits 9 Imam. Jakarta: Saltanera Teknologi.

- Al-Hakim, Abu 'Abdullah Muhammad. 1990. *Al-Mustadrak 'ala al-Sahihayn li al-Hakim*. Mustafa 'Abd al-Qadir Al-'Ata (Ed.). Jld. 1-4. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Mawardi, Abu al-Hasan 'Ali. 1999. *Al-Hawi al-Kabir fi Fiqh Mazhab al-Imam al-Shafi'i wa huwa Sharh Mukhtasar al-Muzanni*. al-Hasan al-'Ali Muhammad Mu'awwid & 'Adil Ahmad 'Abd al-Maujud (Ed.). Jld. 1-19. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Mubayyadh, Muhammad Ahmad. 2014. *Ensiklopedi Akhir Zaman (Pent. Ahmad Dzulfikar)*. Surakarta, Jawa Tengah: Granada Mediatama.
- Al-Nasa'i, Ahmad. 1986. *Al-Mujtabi min al-Sunan*. 'Abd al-Fattah Abu Gadat (Ed.). Jld. 1-8. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Nasa'i, Ahmad. 2001. *Al-Sunan al-Kubra*. Hasan 'Abd al-Man'am Shilbi (Ed.). Jld. 1-10. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Al-Qastallani, Ahmad. 1906. *Irsyad al-Sari li Sharh Sahih Al-Bukhari*. Misr: Al-Matba'ah al-Kubra al-Amiriyah.
- Al-Tirmidhi, Muhammad 'Isa. (2015). *Al-Jami' al-Kabir - Sunan al-Tarmidhi*. Lidwa Pusaka Hadits 9 Imam. Jakarta: Saltanera Teknologi.
- Basmeih, Abdullah. 1999. *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
- Ibn Hajar, Ahmad Muhammad. 1960. *Fath al-Bari Sharh Sahih al-Bukhari*. Ahmad bin 'Ali bin Hajar Abu al-Fadl Al-'Asqalani Al-Shafi'i (Ed.). Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Ibn Hibban, Muhammad. 1993. *Sahih ibn Hibban bi Tartib ibn Balaban*. Shu'aib Al-Arna'ut (Ed.). Jld. 1-18. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Ibn Majah, Muhammad Yazid. 2009. *Sunan Ibn Majah*. Shu'ayb Al-Arna'ut, 'Adil Murshid, Muhammad Kamil Qurrah Balali, & 'Abd al-Latif Hirzullah (Ed.). Jld. 1-5. Beirut: Dar al-Risalah al-'Alamiyyah.
- Muslim, al-Hajjaj. (2015). *Sahih Muslim*. Lidwa Pusaka Hadits 9 Imam. Jakarta: Saltanera Teknologi.
- Muslim, al-Hajjaj. t.th. *Sahih Muslim*. Jld. 1-8. Beirut: Dar al-Fikr.

INDEKS

- Abu Dawud*, 19, 21, 23, 24,
 39
Ahmad, 33, 39
al-'Imran, 16
al-Ahzab, 1, 25
al-Anbiya', 29
al-Bayhaqi, 30
Al-Bukhari, 18, 24, 34
al-Fath, 25
Al-Hakim, 19, 30, 32
Ali 'Imran, 35
al-Insan, 26
 Allah, 1, 2, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9,
 10, 11, 14, 15, 16, 17, 18,
 19, 21, 22, 23, 24, 25, 26,
 27, 28, 29, 30, 31, 32, 33,
 34, 35, 36, 37
 Allah SWT, 1, 14, 15, 16, 17,
 18, 21, 25, 26, 28, 29, 31,
 35, 37
al-Nasa'i, 30, 33
al-Qasas, 17
 al-Quran, 1, 2, 10, 11, 14, 17,
 25, 35, 45
Al-Tirmidhi, 29, 36
 Amalan, 2, 8, 14, 25
 Berdoa, 14, 17, 20, 34
 berselawat, 33
 Dajjal, 4, 6, 8, 9, 10, 12, 14,
 17, 20, 21, 22, 25, 27, 28,
 32, 34, 35, 36, 38, 39, 40
 darjat, 33
 dosa, 33
 Fitnah, 8, 10, 12, 34
 hadis, 1, 2, 14, 17, 18, 20, 21,
 22, 23, 24, 26, 27, 29, 30,
 31, 32, 33, 34, 35, 37, 38,
 39
Ibn Hibban, 31
Ibn Majah, 27, 28
 Iman, 6, 35
 Islam, 1, 2, 3, 4, 6, 7, 8, 10,
 14, 16, 17, 18, 19, 20, 23,
 24, 25, 26, 27, 29, 30, 31,
 32, 33, 34, 35, 37, 40, 45
 Istighfar, 9, 32
 Kesabaran, 7
 Keselamatan, 5
 Kesehatan, 5
 Kesolehan, 7
 kiamat, 1, 2, 6, 8, 10, 13, 14,
 22, 24, 25, 26, 33, 40
Muslim, 2, 4, 7, 15, 20, 22,
 23, 29, 31, 37, 38, 45
 Penyakit, 4, 6, 20
 Rasulullah SAW, 33
 Rohani, 8
 Sakit, 4, 6

Salawat, 10
selawat, 33
syurga, 33
ZDK1, 2, 3, 14, 15, 16
ZDK10, 6, 23, 24
ZDK11, 4, 6, 8, 10
ZDK12, 7
ZDK13, 7, 36
ZDK14, 8
ZDK15, 8
ZDK16, 9, 30
ZDK17, 9, 14, 30
ZDK18, 9, 31
ZDK19, 8, 10, 33
ZDK2, 3, 17
ZDK20, 10
ZDK21, 2, 12
ZDK3, 3, 19
ZDK4, 3, 18
ZDK5, 2, 4, 17, 18
ZDK7, 4, 6, 21
ZDK8, 5, 6, 21
ZDK9, 5, 22
Zikir, 2, 8, 9, 14, 25, 26, 28,
29

BIODATA

Kamarul Azmi bin Jasmi menjawat jawatan Professor Madya di Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial-dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia dan pernah berkhidmat sebagai guru Pendidikan Islam di SM Sains Miri. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam, Ijazah Sarjana Pengajian Peradaban daripada Universiti Malaya, serta Ijazah Doktor Falsafah (Pendidikan Islam) daripada Universiti Kebangsaan Malaysia.

Beliau aktif dengan aktiviti penulisan dalam jurusan Pendidikan Islam seperti buku, sumbangan bab dalam buku, jurnal-serta penulisan kertas kerja di persidangan peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Beliau menghasilkan beberapa buah buku karya individu dan karya bersama antaranya berjudul Pendidikan Wuduk Mazhab al-Shafii (2007), Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran (2007), Pembaharuan dalam Dunia Islam (2007) *Sekolah Agama Penjana Generasi Berakhlak* (2011), *Penyeliaan Guru Dalam Pengajaran & Pembelajaran* (2011), *Dasar Akidah Muslim* (2011), *Sekolah Agama di Malaysia: Sejarah, Isu & Cabaran* (2012), *Akidah dan Akhlak dalam Pendidikan Islam* (2016) yang diterbitkan oleh Penerbit UTM serta *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Tahfiz al-Quran* (2016) dan *Disiplin Puasa dalam Sekolah Ramadan* (2019) yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

Siri Buku Amalan Harian
SIRI 4
AMALAN DAN DOA KETIKA HURU-HARA KIAMAT
WARID DARIPADA AL-QURAN DAN SUNAH

Amalan dan Doa Ketika Huru-Hara Kiamat Warid daripada al-Quran dan Sunah. Siri 4. Siri Buku Amalan harian merupakan siri ke-4 buku yang dikeluarkan oleh Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) untuk tujuan dijadikan amalan harian yang sangat berguna bagi umat Islam ketika proses era kiamat sedang berlaku. buku ini akan menfokuskan tentang perbincangan tentang amalan, zikir, tasbih, dan doa ketika umat Islam sedang melalui saat genting ketika hampir kiamat dan ketika kedatangan Dajjal pada hari kiamat yang sekarang ini sedang berlaku sehingga dunia ini benar-benar dimusnahkan oleh Allah SWT. Amalan yang dianjurkan adalah amalan ketika dalam peperangan; doa dan rawatan untuk sakit dan penyakit, doa agar dikekalkan dalam iman dan Islam; tasbih dan zikir untuk menguatkan rohani; dan amalan bacaan agar terpelihara daripada fitnah Dajjal. Pada bahagian kedua daripada buku ini pula, penulis cuba mengupas sumber amalan, tasbih, zikir, dan doa dengan sumber yang menjadi sandaran amalan daripada al-Quran dan sunnah. Tujuan kupasan ini agar umat Islam memiliki keyakinan yang sempurna dalam mengamalkan semua amalan, zikir, tasbih, dan doa yang dianjurkan untuk diamalkan ini.

Buku ini diharap dapat dimanfaatkan oleh umat Islam sebagai panduan untuk beramal, bertasbih, berzikir, dan berdoa agar manfaat rohani dan jasmani umat Islam dapat dibangunkan. Hal ini kerana, semua amalan ini merupakan antara aspek terpenting sebagai persediaan umat Islam dalam menghadapi zaman akhir pada hari kiamat.



eISBN 978-967-2401-18-6

